

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/1986

RPW 521 - Perancangan Pengangkutan

Tarikh: 7 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Anda adalah seorang pegawai perancang dan dikehendaki membantu kerajaan negeri merangkakan "Terms of Reference" untuk Kajian Pengangkutan dalam konteks Pelan Struktur bagi sesuatu kawasan Majlis Perbandaran. "Terms of Reference" tersebut akan dijadikan panduan untuk perbincangan dan juga perlantikan perunding-perunding. Untuk tujuan tersebut anda dinasihati supaya tugas tersebut hendaklah merangkumi aspek-aspek seperti berikut:-

- Objektif kajian
- Skop kajian
- Kaedah kajian
- Personel
- Implikasi kewangan

(25 markah)

2. SAMA ADA

- (a) Berdasarkan laporan Draf Akhir Teknikal Pengangkutan untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang anda dikehendaki mengulas secara kritis, kesempurnaannya dalam kontek keboleh-kemasukan (accessibility) dan juga keperluan penumpang-penumpang.

(25 markah)

- 2 -

ATAU

- (b) Berdasarkan laporan Teknikal Pengangkutan dan "Terms of Reference", Pelan Induk Negeri Perlis anda dikehendaki mengulas dengan kritisnya kecukupan atau kesesuaian data/maklumat dan teknik pelunjuran.

(25 markah)

3. Masalah-masalah pengangkutan bandar di Malaysia sering diperbincangkan. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya isu-isu ini dan mendapat perhatian ialah peningkatan penggunaan kereta persendirian dan kesesakan jalan di pusat-pusat bandar. Namun demikian organisasi pengangkutan (termasuk sistem pentadbiran di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan) yang jarang-jarang diselidiki juga dipercayai merupakan di antara faktor penting yang menimbulkan masalah-masalah pengangkutan bandar.

Dengan kritisnya anda dikehendaki mengulas struktur organisasi dan sistem pentadbiran berkaitan dengan pengangkutan bandar di Malaysia Barat.

(25 markah)

4. Definasikan konsep struktur Bandar. Bincangkan konsep-konsep dan bentuk struktur yang sesuai untuk perancangan dan pengendalian sistem pengangkutan awam yang berkesan.

(25 markah)

5. Teknik-teknik pengurusan lalulintas dibeberapa pusat bandar di Malaysia didapati kurang berkesan dalam usaha untuk:-

- mengurangkan peningkatan penggunaan kenderaan persendirian.
- memberi kebolehkemasukan (accessibility) yang tinggi kepada pejalan kaki, peletak kereta dan penumpang-penumpang.

Berdasarkan mana-mana bandar di Malaysia, anda dikehendaki mengulaskan dengan kritisnya.

(25 markah)

6. Tuliskan nota pendek mengenai perkara-perkara berikut:-

- (a) Sistem transit laju.
- (b) Rangkaian pejalan kaki.
- (c) Penswastaan sistem pengangkutan (letak kereta, pengangkutan awam dan lain-lain).

(25 markah)

-00000000-

